

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 2 (75)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2014/2014-2015)
BILANGAN 5 TAHUN 2014**

Tarikh	: 27 Jun 2014 (Jumaat)
Masa	: 10.30 Pagi – 12.45 Petang
Tempat	: Dewan Bunga Tanjung, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.
Hadir	: Seperti dilampirkan kehadiran

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid, Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

- 2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam mengambil masa selama 15 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Mei dan Jun tahun 2014.

3. PERUTUSAN DATUK BANDAR

3.1 KAJIAN CITIES OF OPPORTUNITY 2014

Kajian **Cities of Opportunity 2014** yang diterbitkan oleh Price Water House Coopers baru-baru ini meletakkan London, New York dan Singapura di tiga (3) tangga teratas antara 30 buah bandaraya yang diselidik. Kajian ini menilai 10 indikator yang dirangkumi dalam tiga (3) kategori, iaitu **Tools for a changing World, Quality of Life** dan **Economics**. Sementara London menonjolkan kekuatan



bandaraya tersebut dari segi ekonomi dan teknologi serta ketrampilan kepada pelabur, Singapura pula mendahului dari segi pembangunan infrastruktur dan pengangkutan serta suasana urus niaga yang mesra. Dari segi daya huni, kesihatan dan keselamatan pula, Sydney dan Stockholm menunjukkan pencapaian markah yang tinggi berbanding dengan bandar lain. Kuala Lumpur menduduki tangga ke-17 dengan catatan skor sebanyak 885 markah berbanding dengan London yang mencatat 1290 markah. Sementara Kuala Lumpur menunjukkan prestasi yang memberangsangkan di dalam indikator mesra urus niaga dan pembangunan infrastruktur serta pengangkutan, pencapaian dalam aspek daya huni, keselamatan, kemampuan dan alam semulajadi adalah di tangga sederhana dan penambahbaikan amat diperlukan. Kajian merumuskan bahawa peluang dan daya saing sesebuah bandar adalah bergantung kepada tahap tahan lasak ataupun **resilient**, kapasiti adaptasi masyarakat dalam menyahut cabaran Dunia dan tempatan, sistem governan yang responsif dan mesra dengan semua pihak berkepentingan serta kos menjalani perniagaan dan kependudukan yang berpatutan. Ke arah ini, adalah menjadi tanggungjawab sosial Majlis bagi meningkatkan tahap daya saing dan daya huni sebagai asas demi memudahkan Petaling Jaya berkemampuan merebut peluang pembangunan dan pelaburan setanding dengan bandaraya lain.

3.2 TINDAKAN PROJEK PEMBANGUNAN TANPA KEBENARAN

Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Selangor Penggal ke-2 yang lalu telah meluluskan usul menghendaki semua agensi kerajaan mengambil tindakan ke atas semua pembangunan yang tidak mendapatkan kebenaran. Dalam hal ini, Majlis sebagai pihak berkuasa perancang tempatan dan pengawal bangunan hendaklah memastikan bahawa semua projek pembangunan yang tidak diluluskan diberhentikan, dikenakan tindakan penguatkuasaan yang berkesan dan tapak dikembalikan kepada asal. Tindakan penguatkuasaan bersepada yang melibatkan semua agensi termasuk jabatan-jabatan teknikal Majlis, Pejabat Tanah Daerah Petaling, Jabatan Alam Sekitar, TNB, Syabas dan lain-lain haruslah diadakan. Dalam masa yang sama, selaras dengan prinsip “broken window” dalam tadbir urus yang baik, pemantauan teliti ke atas projek pembangunan yang bermula sebelum kelulusan diberikan hendaklah dipertingkatkan lagi supaya dilema tindakan penguatkuasaan susah diambil kemudian hari selepas projek telah siap tidak timbul.

GREEN BUILDING INDEX – INISIATIF BANDAR RAYA HIJAU

Dalam perubahan iklim dan peningkatan kos tenaga yang semakin tinggi dan tidak menentu, amat penting bagi sesebuah bangunan menggunakan tenaga yang cekap (energy efficiency) dan penjanaan semula tenaga (renewable energy) dalam menjalani aktiviti sehari-hari. Oleh yang demikian, implementasi *Green Building* sangat dititikberatkan dalam setiap pembangunan di seluruh dunia.

Green Building (juga dikenali sebagai bangunan hijau) merujuk kepada bangunan yang menitikberatkan tanggungjawab terhadap penjagaan alam sekitar dan penggunaan tenaga yang cekap sepanjang kitaran hayat bangunan bermula dari proses mereka bentuk, pembinaan, operasi, penyelenggaraan, pengubahsuaian, sehingga perobohan bangunan.

Bangunan hijau akan memberi impak yang ringan ke atas alam sekitar melalui proses pemuliharaan sumber, dan pada masa yang sama mengimbangi penyelenggaraan yang sedikit untuk keperluan penggunaan tenaga yang cekap dan kos efektif. Dalam erti kata lain, reka bentuk bangunan hijau melibatkan keseimbangan antara kaedah bangunan yang dibina dan persekitaran yang mampan disamping mengurangkan kos penyelenggaraan, pembaziran dan pencemaran terhadap alam sekitar.

Di dalam GBI *rating tools*, terdapat enam garis panduan kriteria-kriteria yang disyaratkan dalam tahap penarafan (rating) yang telah ditetapkan. Ianya meliputi secara menyeluruh dalam aspek pembinaan bangunan dari permulaan perancangan sehingga bangunan diduduki. Antara kriteria-kriteria yang digariskan adalah **Energy Efficiency (EE)**, **Indoor Environment Quality (EQ)**, **Sustainable Site Planning & Management (SM)**, **Materials & Resources (MR)**, **Water Efficiency (WE)** dan **Innovation (IN)**.

Pemaju di Petaling Jaya digesa untuk mematuhi syarat-syarat GBI untuk mendapat manfaat dalam jangka masa panjang terhadap alam sekitar. Daripada kriteria-kriteria yang digariskan, tahap penarafan sesebuah bangunan telah diklasifikasikan dalam empat kategori iaitu Platinum, Gold, Silver dan Certified.

Untuk pengetahuan semua, penarafan ini dapat dicapai melalui beberapa kaedah daripada 6 kriteria yang telah di gariskan tadi. Sebagai contoh, penggunaan LED yang dikategorikan dalam kriteria ‘energy efficiency’. Ianya bertindak sebagai lampu di rumah yang mampu menjimatkan elektrik sehingga 90 peratus kerana ia menggunakan kapasiti tenaga paling minimum.

Selain daripada itu, penggunaan SPAH sebagai sistem guna semula air hujan, ‘vertical landscape’ dan penggunaan cat Low VOC (volatile organic compounds), penggunaan tenaga solar untuk menjana elektrik dan pemilihan building envelope seperti cavity wall dalam kaedah pembinaan dapat membantu pengaliran udara yang baik dengan mengurangkan 1/3 atau 75% haba panas dari dalam bangunan. Kaedah-kaedah ini dapat membantu dalam mencapai tahap penarafan GBI bagi sebuah bangunan.

Di Selangor terdapat 208 buah bangunan yang telah didaftarkan untuk penarafan bangunan hijau dan sebanyak 164 buah bangunan daripadanya telah diberi pengiktirafan bangunan hijau mengikut kumpulan yang telah diperakukkan. Sehingga 15 jun 2014, terdapat beberapa buah bangunan yang telah diberi pengiktirafan di Petaling Jaya. Antaranya banglo bernama “S11 House” di seksyen 11 Petaling Jaya diberi pengiktirafan Platinum, Bangunan 1st Avenue di Bandar utama diberi pengiktirafan Gold dan bangunan REDHA HQ di SS3 serta sebuah lagi banglo di Seksyen 16 Petaling Jaya diberi pengiktirafan Certified.

Sepanjang tahun 2010 hingga Jun 2014, terdapat 94 buah bangunan di sekitar Petaling Jaya yang telah dikenakan syarat GBI di dalam kelulusan merancang. MBPJ menyarankan penyelarasan dan penggunaan kaedah serta kriteria bangunan hijau kepada semua pembangunan di Petaling Jaya sekurang-kurangnya pada tahap GBI ‘Certified’ atau setaraf dengannya bagi mewujudkan suasana bandar mampan yang mesra alam dan mencapai tahap keseimbangan persekitaran dan meningkatkan kesedaran mengenai isu-isu alam sekitar.

3.4 PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR

Pembangunan tanpa menjaskan alam sekitar atau pembangunan mampan merupakan satu bentuk pembangunan yang ingin dicapai oleh mana-mana negara. Salah satu aspek penting dalam kehidupan manusia yang perlu dititikberatkan ialah berhubung isu pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar serta segala komponen yang ada di dalamnya. Dalam konteks ini, kita disaran agar mengambil segala manfaat daripada alam dengan tidak mengabaikan aspek-aspek kelestariannya.

Sabtu hari kita masih lagi dipaparkan dengan pelbagai berita berhubung permasalahan alam sekitar seperti pencemaran air & udara, pembalakan haram, pengeksplotasian sumber alam secara berlebihan sehingga membawa kepada ancaman kepupusan dan menjaskan kehidupan manusia. Justeru langkah proaktif untuk membendungnya perlu diambil agar perasaan cintakan alam sekitar

dapat disemai dalam setiap jiwa anggota masyarakat. Menyedari realiti ini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengambil inisiatif merancang dan melaksanakan pelbagai program alam sekitar bagi merealisasikan hasrat menjadikan Petaling Jaya sebagai bandar raya hijau berkarbon rendah.

Menyoroti iltizam tersebut, MBPJ telah menggariskan polisi alam sekitar dalam perancangan pembangunan fizikalnya. Pelaksanaan polisi-polisi ini adalah bagi menggalakkan ekonomi karbon yang lebih rendah serta gaya hidup hijau seperti penggunaan tenaga yang lebih efisien, penggunaan sumber tenaga alternatif, pemuliharaan hutan dan penggunaan mesra alam dalam aktiviti seharian. Polisi-polisi alam sekitar yang dilaksanakan di MBPJ adalah seperti berikut:-

- a. Setiap bangunan baru mesti mematuhi ciri-ciri *green building* paling minima mencapai tahap certified hingga ke tahap gold.
- b. Setiap pembangunan menerapkan konsep “swale” atau bioecod/bio filter yang diintegrasikan dalam konsep perancangan landskap agar ianya membantu meminimakan jangkama sa ketelapan air larian permukaan (*surface run off water*) dan berfungsi sebagai penapis bahan terbuang atau sisa bagi menghasilkan kualiti air yang baik.
- c. Penyiraman pokok-pokok tanaman menggunakan air kolam bagi kawasan tanaman berdekatan kolam-kolam.
- d. Setiap restoran dilengkapi dengan alat perangkap minyak.
- e. Setiap kilang dan stesen minyak dilengkapi dengan *oil water Separator*.
- f. Setiap pembangunan mempunyai kawasan lapang sekurang-kurangnya 10% yang menyerap air selain kawasan landskap kejur.
- g. Skim pembangunan mengandungi kawasan lapang berdasarkan nisbah 2 hektar kawasan lapang bagi setiap 1,000 penduduk.
- h. Dasar pemasangan lampu led pada lampu jalan dan lampu isyarat dikenakan ke atas semua projek pembangunan.
- i. Sistem pengangkutan bersepadu yang mementingkan *inter-connectivity* merangkumi laluan basikal, laluan pejalan kaki, servis bas percuma dan kemudahan park n ride.



- j. Dasar Tabung Hijau iaitu menggalakkan penggunaan kenderaan keberkesanan tenaga termasuk kereta hibrid dan kereta elektrik dengan tawaran meletak kereta percuma dan pelaksanaan rebat cukai taksiran.
- k. Lain-lain pelaksanaan termasuklah dasar *e-mesyuarat*, hari sayur hijau setiap hari isnin dan dasar *district cooling system*.
- l. Setiap pembangunan disyaratkan dilengkapi dengan Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH).

Usaha-usaha Majlis mewajibkan pemaju-pemaju dan pemilik-pemilik rumah kediaman menyediakan spah telah mendapat pengiktirafan iaitu Anugerah Inisiatif Kejiranan Hijau JPBD 2013 (kategori SPAH), Malaysia Green Building Confederation (MGBC) Leadership In Sustainability Award 2014 (business leadership category). Pengiktirafan bukan sahaja di dalam negara tetapi lebih membanggakan pengiktirafan daripada luar negara iaitu sebagai *green world ambassador 2014* daripada the Green Organisation United Nation Environment Programme yang berpusat di London.

3.5 PELAKSANAAN BUDAYA MENYELENGGARA ASET MAJLIS

Majlis telah menekankan betapa pentingnya budaya penyelenggaraan ditingkatkan untuk memastikan aset Majlis terpelihara serta memanjangkan tempoh kegunaannya di samping mengindahkan persekitaran dan menjaga kebersihan. Program ini bukan hanya penyelenggaraan infrastruktur awam secara berkala, tetapi juga sebagai usaha menyedarkan masyarakat terhadap pentingnya budaya penyelenggaraan menjadi amalan hidup. Sebanyak RM6.9 juta telah diperuntukkan oleh Majlis untuk penyelenggaraan infrastruktur termasuk kerja-kerja menurap jalan, penyelenggaraan jejantas, penyelenggaraan longkang, perteduhan bas, papan tanda, perabot jalan, jejantas serta terowong, membaiki tapak siar kaki berbendul dan lain-lain bagi tahun 2014.

Infrastruktur seperti jalanraya, saliran dan tempat riadah diselenggara secara berkala dan konsisten supaya penggunaannya lebih tahan lama. Begitu juga dengan penyelenggaraan lif, khususnya di PPR Lembah Subang dan Kota Damansara. Dengan itu, Majlis juga tidak perlu menanggung kos yang lebih tinggi dengan membeli baharu atau menukar infrastruktur yang memerlukan pumbaikan. Majlis juga akan memastikan pihak kontraktor yang diberi tugas menyelenggara infrastruktur di Petaling Jaya menjalankan tugas dengan beretika, berkualiti tinggi dan sempurna. Hakikatnya ialah setiap peralatan yang kita gunapakai andai dijaga dan diselenggara dengan baik secara berkala maka jangka

hayatnya pasti bertahan lama dan tidak perlu membeli peralatan yang baru dengan kerap. Pelan dan jadual penyelenggaraan yang komprehensif dan menyeluruh hendaklah dilaksanakan dan dipantau dengan serius agar penyelenggaraan dapat dilakukan secara berkala.

3.6 **SEMINAR GREEN TRANSPORTATION; *PROMOTING GREEN MOBILITY SOLUTIONS'***

Sistem pengangkutan adalah pengeluar utama gas rumah hijau, yang bertanggungjawab bagi 23% daripada tenaga yang berkaitan dengan dunia pelepasan GHG pada tahun 2004, dengan kira-kira tiga suku yang datang dari kenderaan jalan raya. Pada masa ini 95% daripada tenaga pengangkutan datang daripada petroleum. Kesan alam sekitar pengangkutan boleh dikurangkan dengan meningkatkan persekitaran berjalan kaki dan berbasikal di bandar-bandar, dan dengan meningkatkan peranan pengangkutan awam.

Selaras dengan itu, satu seminar *Green Transportation* telah diadakan ini pada 21 Jun 2014 yang lalu, dengan kerjasama Institution of Engineers Malaysia (IEM). Seminar yang dianjurkan bersempena dengan Ulangtahun ke 8 Bandar Raya Petaling Jaya ini, memberi fokus terhadap inisiatif '*Promoting Green Mobility Solutions'*. Di antara aspek yang disentuh adalah mengenai inisiatif penggunaan bas elektrik, amalan-amalan terbaik dalam mobiliti elektrik ke arah kecekapan tenaga dan penyelesaian kejuruteraan yang kreatif untuk mengatasi masalah pengangkutan bandar.

Seiring dengan usaha ini, Majlis telah menjadi perintis menyediakan perkhidmatan bas percuma di kawasan Petaling Jaya, sebagai alternatif mod pengangkutan awam. Dengan perkhidmatan yang disediakan ini, Majlis mensasarkan penggunaan kenderaan persendirian memasuki pusat bandar akan dapat dikurangkan. Penggunaan kenderaan awam ini juga dapat membantu meredakan masalah kesesakan lalulintas di Petaling Jaya dan secara langsung dapat membantu meringankan beban kewangan khususnya kos pengangkutan penduduk Petaling Jaya.

Diharapkan dengan perkongsian maklumat dan idea-idea bernes hasil dari seminar ini dapat dimanfaatkan dan diambil tindakan oleh Jabatan-jabatan teknikal Majlis.

KE ARAH DASAR PENGURUSAN SISA PEPEJAL YANG MAMPAH

Pertambahan penduduk, proses pembandaran dan perindustrian yang pesat di Petaling Jaya menyebabkan bertambahnya sisa pepejal yang dijana oleh masyarakat setempat. Kos pengurusan sisa pepejal dari peringkat pengutipan, pengumpulan, pengangkutan sampah hingga ke tahap pelupusan, adalah sangat tinggi.

Oleh kerana kos pengurusan sisa pepejal semakin meningkat, maka program kitar semula dilaksanakan bagi mengurangkan kuantiti sisa pepejal yang dibuang dipunca. Namun begitu, perlunya dasar baru yang komprehensif dalam pengurusan pelupusan sampah dan sisa pepejal di Petaling Jaya.

Kerajaan Negeri Selangor akan menganjurkan seminar antarabangsa dalam merangka satu dasar yang realistik bagi menangani masalah sisa pepejal untuk jangka masa yang panjang. Hal ini penting kerana pertumbuhan ekonomi yang sangat kompetitif dan pertambahan penduduk yang tinggi akan menyukarkan lagi pengurusan sisa pepejal sekiranya tidak ditangani segera. Ke arah itu, Kerajaan Negeri akan menggubal Undang-undang Kecil Pengurusan Sisa Domestik pada penghujung tahun 2014.

Menurut kajian yang dibuat oleh Worldwide Sdn Bhd (Worldwide), hanya lapan peratus kawasan tanah di Selangor boleh dibangunkan sebagai tapak pelupusan sampah atau sisa pepejal. Worldwide sendiri sudah membangunkan dua tapak pelupusan sanitari, iaitu di Jeram dan Tanjung 12 yang mampu bertahan untuk tempoh 10 tahun.

Dari Januari hingga Mei 2014, 4.05 juta tan sampah terhasil di Petaling Jaya dan jumlah itu dijangkakan akan semakin meningkat. Majlis berharap matlamat dasar komprehensif itu kelak mampu meningkatkan kecekapan perkhidmatan, mengalihkan sisa pepejal sebanyak mungkin dari tapak pelupusan serta meningkatkan kadar kitar semula.

Pelaksanaan amalan terbaik Sistem Pengurusan Sisa Pepejal yang dijalankan di beberapa negara Asia seperti Singapura, Jepun dan Taiwan boleh dijadikan sebagai contoh untuk dipraktikkan.

3.8 PENYELARASAN SISTEM KEBENARAN MERANCANG PBT

Kerajaan Negeri Selangor akan menyelaraskan Sistem Kebenaran Merancang di semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. Usaha ini akan menyelesaikan karenah birokrasi dan melancarkan urusan memajukan tanah atau membina bangunan.

Dalam penyeragaman permohonan kebenaran merancang ini, adalah didapati masih terdapat lagi beberapa masalah iaitu wujud perspektif yang berlainan antara pihak berkepentingan. Hal ini termasuk juga Pusat Sehenti Setempat (OSC) 3.0 yang dilihat masih belum melalui proses rundingan membabitkan semua pihak berkenaan termasuk PBT, pemaju perumahan dan pihak lain yang terbabit dalam industri pembangunan.

Keseragaman dalam Kebenaran Merancang perlu bagi mempertingkatkan daya saing negara dengan negara luar, urusan pengeluaran permit pembangunan yang mudah, seragam, efektif dan efisien, ke arah sasaran kedudukan pertama Bank Dunia sebagai Negara Mesra Pelabur serta mengurangkan kos keseluruhan pembangunan lebih kompetitif.

Kebenaran Merancang yang lebih efektif boleh dicapai dengan penumpuan untuk mengurangkan prosedur, masa dan kos, meningkatkan tahap perkhidmatan dan mempercepatkan proses serta penyelarasannya keperluan pengemukakan dokumen di semua PBT.

3.9 OPERASI PATI (PENDATANG ASING TANPA IZIN)

Operasi bersepadu membanteras Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) telah dijalankan di gerai Majlis Jalan 223 pada 17 April 2014. Operasi ini bertujuan untuk membendung masalah penjaja warga asing yang memonopoli perniagaan di kawasan Petaling Jaya. Seramai 22 orang warga asing telah ditahan untuk siasatan lanjut manakala peralatan perniagaan telah disita.

Operasi tersebut juga mendapati 8 unit gerai telah menggajikan warga asing tanpa permit yang sah. Sepanjang bulan Januari hingga pertengahan bulan Jun sebanyak 6 kali operasi bersepadu ini telah dijalankan manakala seramai 79 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) telah ditahan untuk siasatan lanjut oleh pihak Imigresen.

3.10 PJ SAFE “SAFETY FOR ALL”

MBPJ merupakan PBT yang prihatin tentang isu-isu keselamatan penduduk Petaling Jaya. Program PJ SAFE “Safety For All” telah diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM 700,000 bagi tahun 2014. Dari Januari hingga pertengahan bulan Jun terdapat 33 permohonan telah diterima dan sejumlah RM 165,000 telah dibayar kepada 13 RT, 13 RA dan 3 JMB.

Program yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan penglibatan secara kolektif kepada persatuan-persatuan penduduk secara aktif untuk terlibat di dalam program-program keselamatan yang dianjurkan di kawasan pentadbiran Petaling Jaya.

Di samping itu, pihak Majlis telah mengadakan 4 kali majlis dialog dan pameran di kawasan komuniti sekitar Petaling Jaya. Majlis juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, PDRM, Agensi Penguatkuasaan yang lain, pemimpin-pemimpin masyarakat yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam program yang dianjurkan dengan jayanya.

3.11 OPERASI LESEN

Pihak Majlis telah menjalankan operasi pemeriksaan lesen di seluruh kawasan pentadbiran Petaling Jaya. Sejumlah 22,051 premis telah berjaya diperiksa dan sebanyak 4,328 kompaun telah dikeluarkan melibatkan pelbagai kesalahan seperti tidak memiliki lesen perniagaan, tidak mempamerkan lesen perniagaan, tidak memperbaharui lesen perniagaan, kesalahan iklan, halangan tempat awam dan lain-lain kesalahan. Operasi ini akan diteruskan bagi memastikan tahap pematuhan undang-undang oleh peniaga-peniaga.

3.12 FESTIVAL ANTARABANGSA PETALING JAYA 2014

Festival Antarabangsa Petaling Jaya 2014 yang bertemakan Kesenian Rakyat dianjurkan dengan kerjasama Majlis Antarabangsa Festival dan Pertubuhan Kesenian Rakyat Malaysia (CIOFF) yang membawakan penggiat seni rakyat dari 8 negara dan 6 negeri, telah melabuhkan tirai pada 22 Jun 2014.

Pengunjung telah berpeluang menonton secara langsung, keunikan kepelbagaian persembahan kesenian rakyat dalam dan luar negeri, merasai pengalaman bermain sukan tradisional, demonstrasi penyediaan dan merasai pelbagai makanan tempatan dan luar negara, pameran dan jualan kraf dan pelbagai aktiviti lain.

Ternyata penganjuran program yang berteraskan warisan dan seni budaya merupakan landasan terbaik untuk mengembangkan seni warisan rakyat pelbagai kaum dari dalam dan luar Negara. dengan diserikan persembahan dari negara Mesir, Iran, Thailand, Filipina, Sri Lanka, Ghana, Korea dan Indonesia.

Langkah tersebut bukan sahaja mampu menjadi pemangkin keharmonian dan kesejahteraan serta semangat penyatuan malah lebih penting dapat diwarisi secara langsung oleh golongan muda yang bakal mewarisi seni budaya berkenaan.

Usaha menyatukan pelbagai penyertaan dari dalam dan luar negara dalam satu festival, bukanlah satu perkara mudah, namun atas semangat kekitaan dan perpaduan, penganjuran festival ini telah menunjukkan kesediaan rakyat secara keseluruhannya untuk menerima dan mengembangkan seni budaya sebagai satu tarikan untuk menghidupkan Pusat Bandar Seksyen 52.

Pengunjung dan warga PJ juga berpeluang memanfaatkan boulevard (dataran) sebagai ruang awam (public spaces) untuk aktiviti interaksi sosial atau beriadah seperti berbasikal.

Beliau ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak CIOFF, serta seluruh wargakerja Majlis yang telah bertungkus lumus bekerja tanpa mengenal erti penat lelah demi memastikan kejayaan program ini, sempena ulang tahun ke lapan MBPJ pada tahun ini. Terima kasih juga kepada seluruh penduduk Petaling Jaya yang sudi hadir dan memberikan sokongan terhadap penganjuran festival ini.

Kepada muslimin dan muslimat beliau mengucapkan Selamat Menyambut Ramadan Al Mubarak. Selamat menjalani ibadah puasa dengan penuh kesabaran dan menjalankan tugas penuh tanggungjawab.

SULIT**4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-****4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA BILANGAN 4 TAHUN 2014 (SESI 2014/2015)**

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 4 Tahun 2014 bertarikh 29 Mei 2014 telah diluluskan dengan tambahan dan pindaan ayat seperti berikut:-

Tambahan Ayat bagi perkara 5.0 para 6.2 perenggan 6 iaitu

...SYABAS dan Syarikat Mangkubumi kerana hasil pemerhatian beliau didapati setiap kali SYABAS dan Syarikat Mangkubumi.....

Pindaan perkataan bagi perkara 7.5 di muka surat 20 iaitu:-

7.5 Perkataan *terbengkalai* dipinda kepada **terbiar**.

5.0 LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 4 TAHUN 2014 YANG TELAH DIADAKAN PADA 29 MEI 2014.

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
5.0	CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 21 MAC 2014, 24 MAC 2014, 4 APRIL 2014, 14 APRIL 2014 DAN 21 APRIL 2014. - Encik Jeyaseelan a/l T. Anthony meminta agar Jabatan Kejuruteraan memantau kerja-kerja penurapan jalan oleh SYABAS atau Syarikat Mangkubumi kerana hasil pemerhatian beliau didapati setiap kali SYABAS dan Syarikat Mangkubumi mengorek jalan, tampalan yang dibuat tidak rata dan jalan akan rosak semula.	Pada 28 Mei 2014 mesyuarat susulan telah diadakan bersama pihak Utiliti. Perkara-perkara berikut telah dibincangkan untuk perhatian dan tindakan pihak utiliti :- a) Memaklumkan kepada pihak Majlis kerja yang dilaksanakan ditapak, terutama bagi kerja-kerja kecemasan.



SULIT

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
		<p>b) Menyediakan papan tanda projek, makluman, notis, amaran yang mencukupi sepanjang tempoh perlaksanaan projek dijalankan.</p> <p>c) Mengemukakan laporan audit keselamatan bagi projek yang tempoh perlaksanaan melebihi 1 tahun.</p> <p>Mesyuarat pemantauan kerja-kerja oleh pihak utiliti akan diadakan dari masa ke semasa bagi membincang dan menangani isu berbangkit.</p> <p>Mesyuarat turut mencadangkan agar Ahli Majlis memberi senarai jalan bermasalah kepada Pengarah Jabatan Kejuruteraan.</p> <p>Encik Oon Chong Ling mencadangkan agar notis dipendekkan daripada dua minggu kepada seminggu dan disokong oleh Puan Cyhthia Gabriel memandangkan ianya melibatkan keselamatan orang awam.</p> <p>YBhg. Datin Paduka Pengerusi memaklumkan tempoh notis adalah prosedur yang perlu dipatuhi.</p>



SULIT

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.2.3	<p>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TANG FUIE KOH</p> <p>- Berkaitan Festival PJ Fair, beliau berharap agar Tempat Letak Kereta di Kompleks A dan C disiapkan segera. Beliau turut berharap agar Majlis menyediakan papan tunjuk arah arah tempat meletak kenderaan memandangkan terdapat ramai pengunjung dari luar pada masa Festival itu berjalan.</p>	<p><u>Tempat Letak Kereta Kompleks A dan C :</u></p> <p>Projek naiktaraf Kompleks A dan C akan dilaksanakan pada tahun ini. Kerja-kerja tidak dapat disiapkan sebelum Festival PJ Fair.</p> <p>Walaubagaimanapun kawasan parkir Komplek A dan C masih boleh digunakan oleh orang awam.</p> <p><u>Papantanda Arah Tempat:</u></p> <p>Papantanda tunjuk arah ke kawasan letak kereta telahpun dipasang di tapak.</p>
7.4.1	<p>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN CYNTHIA GABRIEL</p> <p>- Beliau berharap agar bahagian berkaitan mendapatkan maklumbalas daripada orang awam berkaitan kemudahan bas percuma di Petaling Jaya. Kajian perlu dibuat ke atas maklumbalas tersebut agar perkhidmatan yang diberi lebih baik dan memenuhi kehendak penduduk Petaling Jaya.</p> <p>Selain daripada itu beliau turut mencadangkan agar diadakan hebatan melalui radio berkaitan kemudahan bas percuma ole hebatkan kepada orang awam melalui hebatan radio.</p>	<p>Jabatan Kejuruteraan akan membuat bincian kepuasan pelanggan untuk mendapatkan maklumbalas pengguna. Selain itu, Pihak Jabatan juga telah menerima beberapa maklumbalas dan cadangan pengguna yang memberikan response melalui laman sesawang Majlis yang diwujudkan khas untuk projek "PJ City Bus".</p>



SULIT

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.5.1	<p>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN DAUD</p> <p>- Beliau membangkitkan isu rumah terbiar di zon pemantauan beliau di mana terdapat banyak aduan daripada orang awam berkaitan rumah terbiar dan kenapa tidak dihebahkan.</p>	<p>Hebahan projek "PJ City Bus" melalui media massa termasuk pra pelancaran projek ini telah banyak dilaksanakan di NTV 7 dan radio oleh Unit Perhubungan Awam Majlis dan juga di laman sesawang serta laman sosial Majlis.</p> <p>Hebahan di radio telah dilaksanakan secara 'public services announcement' di semua saluran radio tempatan manakala iklan radio di saluran Sinar FM, IKIM FM, Bernama Radio, Mix FM, Melody FM dan THR Gegar.</p> <p>Untuk Makluman sebanyak 7 kes telah didaftarkan untuk tindakan Mahkamah. Sebanyak 3 kes telah dijatuhkan hukuman dan 4 lagi kes sedang menunggu tarikh sebutan. Semua aduan di SS5 dan telah disiasat. Proses carian pemilik dijalankan dari Jabatan Penilaian, Jabatan Perancangan Bandar, Pejabat Tanah Daerah, Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan juga Jabatan Pendaftaran Negara Shah Alam. Namun ada kes-kes dimana selepas carian dijalankan seperti diatas,</p>



SULIT

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.5.2	<p>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN DAUD</p> <p>- Penjaja haram di Pasar Malam</p> <p>Beliau memaklumkan bahawa terdapat ramai penjaja haram di pasar-pasar malam di mana penjaja tersebut akan melarikan diri bila anggota penguatkuasa bertugas dan mula berniaga semula apabila anggota penguatkuasa tiada.</p> <p>Sehubungan dengan itu beliau berharap agar anggota penguatkuasa ditempatkan dipasar malam untuk memantau aktiviti penjaja haram.</p>	<p>pemilik tidak dapat dikesan alamat terbaru untuk penghantaran notis. Dalam keadaan seperti berikut Jabatan Kesihatan Persekutuan akan menjalankan pemotongan dan pembersihan menggunakan khidmat kontraktor swasta.</p> <p>Hebahan telah dijalankan melalui akhbar tempatan yang terbaru adalah pada 12 Jun 2014 melalui Akhbar The Star.</p> <p>Pihak Jabatan sering menjalankan tindakan penguatkuasaan ke atas penjaja-penjaja tanpa lesen di sekitar pasar-pasar malam di kawasan Petaling Jaya. Pada tahun 2013, sebanyak 1,588 kompaun dan 578 sitaan telah dijalankan ke atas penjaja tanpa lesen, manakala bagi tahun 2014 sehingga Jun 2014, sebanyak 815 kompaun dan 367 sitaan telah dijalankan.</p> <p>Tambahan lagi, operasi – operasi bersepodu bersama Jabatan Imigresen juga turut dijalankan bagi membanteras penjaja tanpa lesen yang berstatus pendatang asing tanpa izin (PATI). Pada tahun 2014, sebanyak 43 tangkapan warga asing telah dijalankan di dua lokasi pasar malam iaitu SS 2 dan Kg. Sg. Kayu Ara.</p>



		<p>Mesyuarat penyelarasan berhubung cadangan kawalan statik di lokasi pasar-pasar malam dan pasar-pasar pagi juga telah diadakan pada 11 Jun 2014 yang memutuskan percubaan kawalan statik di pasar Jalan Othman selama sebulan bermula 24 Jun 2014 bagi menilai keberkesannya sebelum dipanjangkan ke lokasi-lokasi hotspot yang lain.</p> <p>Mesyuarat turut memutuskan agar lesen peniaga yang menyewakan gerai kepada orang asing dibatalkan.</p>
--	--	---

6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS

- 6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 28 MEI 2014, 5 JUN 2014, 11 JUN 2014 DAN 17 JUN 2014.**
- [RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (28)]
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (30)]
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (32)]
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (34)]

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.

- 6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 6 JUN2014, 12 JUN 2014 DAN 25 JUN 2014.**
- [RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 4 (23)]
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 4 (25)]
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 4 (28)]

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.

- 6.3 **CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 6 JUN 2014 DAN 11 JUN 2014.**
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 (91)]
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 (93)]

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.

- 6.4 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 11 JUN 2014.**
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 3 (10)]

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

- 6.5 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 13 JUN 2014.**
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (41)]

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.

6.5.2 Encik Onn Chong Ling menyuarakan persoalan berkaitan kontraktor-kontraktor penyelenggaraan Jabatan Landskap. YBhg. Datin Paduka Pengerusi memaklumkan bahawa pelantikan kontraktor tersebut ditangguhkan bagi kajian pendekatan baru.

6.5.3 Tuan Ir. Lee Suet Sen pula berharap agar masalah ini dapat diselesaikan dengan segera memandangkan orang awam tidak tahu masalah dalaman MBPJ. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar Jabatan Landskap mengambil tindakan serta memantau aduan orang awam sama ada aduan tebang pokok atau cantas pokok tanpa prioriti.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.

6.6

**CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN
TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 16 JUN 2014.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD 2 (75)]**

- 6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.

- 6.6.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan status sistem aduan yang baru di mana Jawatankuasa yang ditubuhkan sedang mengenalpasti SOP dan penyelarasaran aduan daripada jabatan/bahagian dan pemantauan aduan oleh Unit Aduan sendiri melalui laporan pengecualian.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Teknologi Maklumat), MBPJ,
Jawatankuasa .**

**6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
PEMBANGUNAN MAMPAN BERTARIKH 24 JUN 2014.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 2 (4)]**

- 6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan
Pembangunan, MBPJ.**

- 6.7.1 Puan Sia Siew Chin membangkitkan beberapa perkara berkaitan kemudahan OKU seperti berikut:-

- a) Hanya sebuah sahaja restoran di PJ State yang mesra OKU iaitu Papa Rich memandangkan ada pejalan kaki untuk OKU.
- b) Terdapat tempat letak kereta OKU di PJ State
- c) Kemudahan untuk menekan butang untuk lintasan pejalan kaki di PJ State.

Beliau memaklumkan bahawa semua kemudahan di atas telah **hilang** setelah pembinaan Dataran di PJ State. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar kemudahan tersebut disediakan semula bagi kemudahan OKU.



Mesyuarat turut memutuskan agar Audit dibuat bagi memastikan kemudahan sedia ada tidak hilang.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.

6.7.2 Berkaitan isu PJ City, Pengarah Jabatan Kejuruteraan akan menjemput Ahli Majlis ke taklimat yang akan diadakan minggu hadapan.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

6.8 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 25 JUN 2014.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 2 (4)]**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

7.1 **PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK OON CHONG LING**

7.1.1 Beliau membangkitkan berkaitan pembelian kompaktor dan meminta agar Unit Audit Dalam menyiasat perkara tersebut.

Tindakan : Pengarah Jabatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ,

7.2 **PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK HALIMEY BIN ABU BAKAR**

7.2.1 Beliau membangkitkan masalah aduan di PJS 10 di mana aduan tersebut melibatkan dua Jabatan iaitu Jabatan Kesihatan dan Landskap. Walaupun salah satu jabatan terlibat telah mengambil tindakan ke atas aduan tersebut, akan tetapi masalah ini masih belum selesai memandangkan jabatan lain yang berkaitan masih belum membuat tindakan. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar dengan pelaksanaan carta baru perkara-perkara ini dapat diselaraskan dengan lebih berkesan.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.



7.3 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZRI BIN MOHAMAD ARISH

- 7.3.1 Beliau membangkitkan kes Laguna sama ada keputusan telah diperolehi atau belum.

Tindakan : Pengarah, Audit Dalam, MBPJ.

7.4 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZIZI BIN ARIFFIN

- 7.4.1 Beliau berharap agar Jabatan Perancangan Pembangunan membuat ‘post mortem’ bersama Ahli Majlis hasil daripada Festival Antarabangsa Petaling Jaya 2014 – Kesenian Rakyat (*PJ International Fair 2014 – Folklore Festival*) yang telah diadakan pada 17 – 23 Jun 2014.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.

- 7.4.2 Berkaitan musibah baru-baru ini di SS7 di mana kren jatuh di atas kenderaan orang awam, beliau berharap agar kontraktor tersebut memberikan laporan dan taklimat kepada Ahli Majlis.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

7.5 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ARIFFIN BIN MAHAIYUDDIN

- 7.5.1 Bagi kawasan PJS, beliau berharap agar Jabatan berkaitan memantau jalanraya di belakang sekolah yang sepatutnya siap pada 15hb akan tetapi masih belum siap sepenuhnya.

- 7.5.2 Selain daripada itu beliau berharap agar masalah longkang di Jalan 2/3 dapat diatasi segera.

Tindakan : Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

- 7.5.3 Di jalan PJS 2D pula terdapat masalah sampah haram dan di PJCC pula pusat judi semakin berkembang. Beliau berharap agar tindakan segera dibuat.

Tindakan : Pengarah Jabatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ.

SULIT

7.5.4 Beliau turut memohon agar padang permainan sedia ada di PJS diselenggara dengan baik.

Tindakan : Pengarah Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.

7.5.5 YBhg. Datin Paduka Pengerusi meminta agar masalah-masalah di PJS diberi fokus utama untuk diselesaikan.

Tindakan : Semua Ketua Jabatan/Bahagian, MBPJ.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.45 petang. YBhg. Datin Paduka Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ahli Mesyuarat.



(PUASA BIN MD TAIB),
Setiausaha,
b.p. Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 7 Julai 2014



HADIR:

01. Y.Bhg Datin Paduka Alinah binti Ahmad,
Datuk Bandar, MBPJ. - Pengerusi
02. Tuan Puasa bin Md. Taib,
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
03. Tuan Ir. Lee Suet Sen,
Ahli Majlis, MBPJ.
04. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud,
Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Tang Fuie Koh,
Ahli Majlis, MBPJ.
06. Puan Cynthia Gabriel,
Ahli Majlis, MBPJ.
07. Encik Jeyaseelen a/l T Anthony,
Ahli Majlis, MBPJ.
08. Encik Tony Cheong Siew Thong,
Ahli Majlis, MBPJ.
09. Encik Azri bin Mohamad Arish,
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Y.M Raja Fairuz binti Raja Mazlan,
Ahli Majlis, MBPJ.
12. Encik Oon Chong Ling,
Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Ang Ming Ern,
Ahli Majlis, MBPJ.
14. Encik Halimey bin Abu Bakar,
Ahli Majlis, MBPJ.



SULIT

15. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin,
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Encik Azizi bin Ariffin,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Puan Sia Siew Chin,
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

01. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,
Wakil Timbalan Setiausaha,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Hajah Sa'diyah binti Khasiman,
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
03. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. Y.Bhg Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM,
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Haji Hassan,
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Ariffin,
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,
Pengarah, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.
09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu,
Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ.
11. Puan Norzita binti Mokhtar,
Wakil Pengarah (Undang-undang), Unit Perundangan, MBPJ.



SULIT

12. Puan Haniza binti Abdul Hamid,
Pengarah (Perhubungan Awam), Unit Perhubungan Awam, MBPJ.
13. Encik Ainul Adnan bin Abdul Rahaman,
Pengarah Audit Dalam, Unit Audit Dalam, MBPJ.
14. Y.M Tengku Nazaruddin bin Tengku Zainuddin,
Pengarah Aduan Awam, Unit Aduan Awam, MBPJ.
15. Encik Lee Lih Shyan,
Ketua Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
16. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,
Timbalan Pengarah (Teknologi Maklumat),
Bahagian Teknologi Maklumat, MBPJ.
17. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,
Timbalan Pengarah (Pelesenan), Bahagian Pelesenan, MBPJ.
18. Puan Saliza binti Mohd. Masri,
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),
Bahagian Tender dan Kontrak, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
19. Tuan Haji Ahmad Johari bin Salleh,
Penolong Pengarah Kanan (Korporat),
Unit Korporat dan Inovasi, MBPJ.

AHLI PARLIMEN/ADUN:

01. Encik Billy Wong,
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara.
02. Encik Ho Fook Chuan,
Wakil Ahli Parlimen Kelana Jaya.
03. Encik Chan Kien Fatt,
Wakil ADUN Damansara Utama.

URUSETIA :

01. Puan Haslida binti Samat,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.



SULIT

02. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Encik Mohd. Sakri bin Md Zin,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
04. Puan Suriyati binti Othman,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

